



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD2 (83)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

EKSPLORASI NEGARAWAN #KLIDIJARI - PRODUK LAWATAN MAYA YANG DIBANGUNKAN OLEH ARKIB NEGARA MALAYSIA

10 November 2021 – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia hari ini merasmikan Majlis Pelancaran Eksplorasi Negarawan #klikdijari. Eksplorasi Negarawan #klikdijari adalah produk lawatan maya yang dibangunkan oleh Arkib Negara Malaysia yang melibatkan enam (6) Arkib Memorial iaitu Memorial Tun Abdul Razak (MTAR), Memorial Tun Hussein Onn (MTHO), Memorial Negarawan (MN), Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan (MPK), Memorial Tun Abdul Ghafar Baba (MTAGB) dan Pustaka Peringatan P.Ramlee (PPPR).

Produk ini dibangunkan bagi menyebarluaskan Arkib Memorial sebagai salah satu produk pelancongan negara yang boleh dikunjungi secara maya selaras dengan norma baharu perkhidmatan awam yang menggalakkan penyampaian perkhidmatan secara digital. Pembangunan produk ini juga adalah selaras dengan Teras Strategi 3, di bawah Pelan Strategik MOTAC 2021 – 2025 iaitu Mengadaptasi Teknologi Digital. Ia juga selari dengan Revolusi Industri 4.0 ke arah memperkasa ekosistem pelancongan dan kebudayaan pintar.

Lawatan secara fizikal merupakan acara sinonim kepada pelawat yang mengunjungi Arkib Memorial. Namun semenjak dunia dilanda pandemik COVID-19 bermula pada tahun 2020, ianya telah memberi kesan langsung kepada Arkib Memorial apabila aktiviti yang berkait dengan sektor pelancongan terpaksa ditutup kepada pelawat buat sementara waktu. Penutupan Arkib Memorial ini sedikit sebanyak telah menjelaskan kelancaran program dan aktiviti yang telah dirancang sebelum ini. Dengan adanya lawatan maya Eksplorasi Negarawan #klidijari ini, pengunjung masih dapat melawat Arkib Memorial secara maya tanpa perlu dibatasi oleh SOP lawatan secara fizikal. Menerusi insiatif ini, pengunjung maya dapat memperolehi informasi yang menarik mengenai tokoh-tokoh Negarawan dan dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah negara. Pendekatan ini lebih menarik minat pengunjung generasi muda dan sesuai dengan perkembangan teknologi semasa.

Lawatan maya Eksplorasi Negarawan #klikdijari ini dapat memperkasakan program pelancongan dan kebudayaan ke arah pengukuhan jati diri bangsa. Pemahaman mengenai tokoh-tokoh Negarawan dalam perjuangan ke arah kemerdekaan negara dan penubuhan Malaysia dapat memberi kesedaran kepada generasi muda dan masyarakat.

Arkib Negara pada fasa seterusnya akan meneruskan pembangunan lawatan maya kepada lima (5) buah lagi Arkib Memorial yang lain iaitu Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Galeria Seri Perdana, Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Rumah Merdeka serta Rumah Kelahiran P. Ramlee. Ini merupakan perancangan pada masa hadapan Arkib Negara Malaysia bagi memastikan Arkib Memorial ini menjadi produk pelancongan yang dapat memperkasakan sektor pelancongan dalam memelihara budaya dan warisan negara yang sentiasa dikunjungi oleh Keluarga Malaysia.

Keluarga Malaysia boleh mengunjungi lawatan maya Eksplorasi Negarawan #klikdijari ini secara percuma dengan melayari laman web rasmi Arkib Negara di alamat www.arkib.gov.my dan ia juga boleh diakses melalui **imbasan pada kod QR** yang disiarkan di platform media sosial rasmi Arkib Negara Malaysia seperti *facebook*, *instagram* dan *telegram*. Arkib Negara juga bekerjasama dengan media sosial *influencer*, *youtuber* dan *blogger* bagi mempromosikan lawatan maya Eksplorasi Negarawan #klikdijari ini sebagai salah satu produk pelancongan yang menyokong kepada budaya dan warisan negara.

Arkib Negara Malaysia menjangkakan lawatan maya Eksplorasi Negarawan ini akan mendapat sambutan yang mengalakkan terutamanya daripada golongan generasi muda seperti pelajar-pelajar sekolah, kolej dan universiti selain peminat sejarah yang menantikan platfrom baharu dalam menyampaikan serta mempersesembahkan sejarah negara kepada dunia luar terutamanya di alam maya.

Dikeluarkan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181
Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my
Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac